



**PEJABAT KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos

PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 4 TAHUN 2015

**PERATURAN BAYARAN YURAN KEAHLIAN
BADAN PROFESIONAL/BADAN IKHTISAS**

TUJUAN

Pekeliling Kewangan ini disediakan bagi memaklumkan semua Ketua Jabatan/Bahagian di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai peraturan dalaman berkenaan bayaran keahlian badan profesional/badan ikhtisas oleh pegawai-pegawai di Kementerian ini.

LATAR BELAKANG

2. Berdasarkan semakan kepada Kementerian Kewangan, tiada peruntukan/kebenaran yang jelas diberikan bagi bayaran yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas oleh penjawat awam. Walau bagaimanapun, Kementerian

Kewangan pernah memberikan kelulusan khas kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) [surat rujukan : KK/BP(8.04)1(JD.3)/(13)] bertarikh 31 Disember 1992 membenarkan bayaran yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas kepada Institut Akauntan Malaysia (IAM) atau kini dikenali sebagai Malaysian Institute of Accountants (MIA), iaitu Yuran Pendaftaran dan Yuran Tahunan mengikut jumlah bayaran sebenar yang telah dibuat oleh pegawai/akauntan terlibat.

3. Selain JANM, tiada Ketua Perkhidmatan lain yang memohon kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan berkenaan bayaran keahlian badan-badan profesional/badan ikhtisas masing-masing. Walau bagaimanapun, tuntutan bayaran keahlian badan profesional/badan ikhtisas oleh pegawai-pegawai di Kementerian/Jabatan di bawah KPKT sentiasa diproses walaupun tidak mendapat kelulusan secara bertulis daripada Kementerian Kewangan. Terdapat juga kekeliruan berkenaan jenis-jenis yuran yang dibenarkan kerana tiada penerangan dan peraturan yang jelas mengenai perkara ini.

4. Sehubungan dengan itu, KPKT telah mengambil inisiatif untuk menyediakan peraturan dalaman berkaitan bayaran yuran keahlian badan profesional bagi memudahkan proses pembayaran. Semua Ketua Jabatan/Bahagian adalah diminta merujuk kepada Pekeliling Kewangan ini semasa mempertimbangkan tuntutan bayaran yuran keahlian badan profesional yang dikemukakan oleh pegawai masing-masing.

BADAN PROFESIONAL/BADAN IKHTISAS YANG DIBENARKAN

5. Bayaran balik yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas pegawai Kerajaan **hanya akan ditanggung oleh Kerajaan sekiranya pegawai berkenaan diwajibkan oleh peraturan/undang-undang bagi profesion yang berkaitan** untuk menjadi ahli mana-mana badan profesional/badan ikhtisas bagi membolehkan beliau menjalankan tugas hakiki dan tugas rasmi. Profesion yang pengamalnya diwajibkan oleh undang-undang untuk mendaftar diri dengan badan-badan ikhtisas berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seperti berikut:

Jadual 1: Senarai Badan Profesional/Badan Ikhtisas Yang DiBenarkan

Profesion	Peraturan/Undang-Undang	Badan Profesional
Ahli Kimia	Akta Kimia 1975	Institut Kimia Malaysia
Akauntan	Accountants Act 1967	Malaysian Institute of Accountants
Arkitek	Architect Act 1967 (Revised 1973)	Lembaga Arkitek
Building Droughman	Architect Act 1967 (Revised 1973)	Lembaga Arkitek
Doktor	Medical Act 1977	Majlis Perubatan Malaysia
Doktor Gigi	Dental Act 1972	Malaysian Dental Council
Doktor Veterinar	Akta Doktor Veterinar 1974	Majlis Veterinar Malaysia
Farmasis	Registration of Pharmacist Ordinance 1951	Pharmacy Board
Jurukur Tanah	The Licensed Land Surveyors' Ordinance 1951	Land Surveyors' Board
Jurukur Bahan	Registration of Surveyors' Act 1976	Lembaga Jurukur
Jurukur Bangunan	Registration of Surveyors' Act 1976	Lembaga Jurukur
Jururawat	Nurse Act 1950	Lembaga Jururawat
Jurutera	Registration of Engineers Act 1967 (Revised 1974)	Lembaga Jurutera Malaysia
Land Economist	Registration of Surveyors' Act 1976	Lembaga Jurukur
Penilai	Registration of Surveyors' Act 1976	Lembaga Jurukur
Pentaksir	Registration of Surveyors' Act 1976	Lembaga Jurukur
Pembantu Hospital	Hospital Assistants Registration Act 1977	Lembaga Pembantu Hospital (Pendaftaran)
Peguambela & Peguamcara	Legal Profession Act 1976	Majlis Peguam (*Pemegang ijazah undang-undang dari universiti-universiti yang diiktiraf dan bekerja dengan Kerajaan dikecualikan daripada peraturan ini.

SYARAT KELAYAKAN

6. Syarat-syarat kelayakan bagi menuntut pembayaran balik yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas adalah seperti berikut:

- (i) Kemudahan ini adalah untuk penjawat awam dari kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) serta kumpulan Pengurusan Tertinggi KPKT;
- (ii) Pegawai berkenaan mengisi **jawatan hakiki** di KPKT;
- (iii) **Kakitangan kontrak/sambilan tidak layak** mendapat kemudahan ini;
- (iv) Pegawai **diwajibkan berdaftar** dengan badan-badan profesional berkenaan kerana **keperluan sesuatu peraturan/undang-undang** bagi mengamalkan profesionnya;
- (v) Keahlian **badan profesional/badan ikhtisas dalam negara** sahaja yang dibenarkan dalam Pekeliling Kewangan ini; dan
- (vi) Hanya **satu badan profesional/badan ikhtisas** sahaja dibenarkan bagi setiap pegawai.

JENIS-JENIS YURAN KEAHLIAN YANG DIBENARKAN

7. Yuran-yuran yang boleh dituntut bayaran balik daripada Ketua Jabatan/Bahagian masing-masing ialah:

- (i) Yuran Pendaftaran;
- (ii) Yuran Keahlian;
- (iii) Yuran Pemprosesan;
- (iv) Yuran Pembaharuan Tahunan/Yuran Tahunan; dan
- (v) Bayaran Pembaharuan Lesen Profesional.

8. Kekekapan pembayaran yang dibenarkan adalah seperti berikut:

Perkara	Kekerapan Bayaran
(i) Yuran Pendaftaran (ii) Yuran Keahlian (iii) Yuran Pemprosesan	Sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan
(iv) Yuran Pembaharuan Tahunan/ Yuran Tahunan (v) Bayaran Pembaharuan Lesen Profesional	Setiap tahun

- (i) Bayaran balik **yuran pendaftaran/yuran keahlian dan yuran pemprosesan** adalah bagi **satu badan profesional/badan ikhtisas** sahaja iaitu **sekali sahaja** sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai;
- (ii) Bayaran balik **yuran pembaharuan tahunan/yuran tahunan** boleh dituntut setiap tahun;
- (iii) **Bayaran pelbagai** seperti bayaran peperiksaan, keahlian perpustakaan, langganan majalah/buletin dan sebagainya adalah **tidak dibenarkan**;
- (iv) Bayaran yang boleh dituntut ialah berdasarkan **jumlah sebenar** yang telah dibuat oleh pegawai terlibat;
- (v) Kemudahan ini diberi secara **tuntutan bayaran balik** yang disokong dengan **resit rasmi asal sahaja** yang dikeluarkan oleh badan profesional/badan ikhtisas yang berkenaan;
- (vi) Bayaran balik yuran keahlian adalah bagi **tahun semasa sahaja**;
- (vii) **Bayaran pendahuluan** (*advanced payment*) bagi tahun-tahun akan datang atau **bayaran tunggakan** bagi tahun sebelum **tidak dibenarkan**; dan
- (viii) Tuntutan bayaran balik hendaklah dibuat dalam tahun kewangan semasa dan **tidak boleh ditangguh** sehingga melangkaui tahun.

KAEDAH PERMOHONAN

9. Pegawai hendaklah membuat permohonan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional/Badan Ikhtisas menggunakan **Borang "A" – Borang Tuntutan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional/Badan Ikhtisas**.
10. Pegawai hendaklah mengemukakan Borang Tuntutan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional/Badan Ikhtisas kepada **Bahagian Sumber Manusia (BSM) PTJ** masing-masing untuk **pengesahan kelayakan dan direkodkan dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan** pegawai.
11. Bahagian Sumber Manusia akan memberikan pengesahan bagi **permohonan yang menepati syarat** di perenggan 6, 8 dan 9 di atas sahaja **untuk tujuan pembayaran**.
12. Bahagian Sumber Manusia perlu **mengemaskini maklumat** tuntutan bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional/Badan Ikhtisas ke dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan pegawai bagi **memastikan tiada tuntutan berulang atau di luar kelayakan pegawai**.
13. **Salinan kelulusan khas** daripada Ketua Setiausaha selaku Pegawai Pengawal KPKT hendaklah disertakan bersama borang tuntutan sekiranya pegawai memohon bayaran/badan profesional **selain daripada yang disenaraikan dalam Pekeliling Kewangan ini**.

BORANG TUNTUTAN

14. Bagi tujuan pelaksanaan yang standard di KPKT, **Borang "A" – Pengesahan Tuntutan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional/Badan Ikhtisas** perlu dilengkapkan oleh pegawai yang berkenaan dan **disahkan kelayakan** oleh Bahagian Sumber Manusia sebelum dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Bahagian untuk kelulusan.

15. Borang Perakuan yang **tidak disahkan** oleh Bahagian Sumber Manusia atau tidak diluluskan oleh Ketua Jabatan/Bahagian **tidak akan diproses** untuk pembayaran.

KELULUSAN KHAS

16. Kelulusan khas daripada **Ketua Setiausaha selaku Pegawai Pengawal KPKT** hendaklah diperolehi sekiranya pegawai berhasrat untuk mendapatkan kelonggaran syarat, badan profesional atau menuntut bayaran selain yang disenaraikan dalam Pekeliling Kewangan ini. Permohonan kelulusan khas hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Bahagian masing-masing.

17. Mana-mana profesional yang pernah diluluskan bayaran keahlian sebelum ini tetapi **tidak disenaraikan** di Jadual 1 - Senarai Badan Profesional/Badan Ikhtisas Yang Dibenarkan dalam Pekeliling ini, hendaklah mendapatkan **kelulusan khas** daripada **Ketua Setiausaha selaku Pegawai Pengawal KPKT** sebelum bayaran balik dapat diproses oleh Jabatan/Bahagian masing-masing.

TARIKH KUAT KUASA

18. Pekeling Kewangan ini **berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan** dan hendaklah dibaca bersama peraturan-peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa iaitu Arahan Perbendaharaan (AP), 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) serta peraturan-peraturan kewangan lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”


(DATU' SERI ARPAH BINTI ABDUL RAZAK)

Tarikh : 8 April 2015